

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 22 Oktober 2021



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA**  
**SEPTEMBER 2021**

---

**Inflasi meningkat 2.2 peratus pada September 2021**

**PUTRAJAYA, 22 Oktober 2021** – Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan **2.2 peratus** pada bulan September 2021 kepada **122.8** berbanding **120.1** pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP merekodkan kenaikan bagi bulan kelapan berturut-turut semenjak Februari 2021 disebabkan oleh kesan asas pada tahun lalu. Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan berkaitan **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), SEPTEMBER 2021** pada hari ini.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, "Kumpulan pengangkutan terus mencatat kenaikan dua-digit sejak Mac dan terus meningkat **11.0 peratus** pada September 2021 berbanding tahun lalu. Makanan & Minuman Bukan Alkohol meningkat **1.9 peratus** dan peningkatan tertinggi dicatatkan oleh subkumpulan Daging (**5.8%**) disebabkan oleh kenaikan purata harga ayam pada bulan September 2021, **RM9.35** sekilogram berbanding **RM8.50** pada bulan September 2020. Tambahan lagi, subkumpulan Ikan & Makanan Laut meningkat **3.5 peratus**, terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam purata harga Ikan Kembong kepada **RM15.60** (September 2020: **RM14.30**) dan Ikan Selayang kepada **RM11.40** (September 2020: **RM9.80**)."

Manakala Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah meningkat **1.7 peratus** diikuti oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (**0.7%**) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (**0.6%**). Kedua-dua Restoran & Hotel dan Kesihatan mencatatkan peningkatan marginal **0.3 peratus**, manakala Minuman Alkohol & Tembakau meningkat **0.4 peratus**. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan kedua-duanya menurun **negatif 0.5 peratus**. Pendidikan juga merekodkan penurunan marginal **negatif 0.1 peratus** berbanding tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia juga menambah bahawa IHP bagi suku tahun ketiga 2021 meningkat **2.2 peratus** kepada **122.6** berbanding **120.0** pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahunan pula, IHP mencatatkan penurunan **negatif 0.4 peratus** berbanding suku tahun kedua 2021. Bagi perbandingan bulan ke bulan, IHP meningkat **0.2 peratus** berbanding Ogos 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh Makanan & Minuman Bukan Alkohol (**0.6%**); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (**0.1%**) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (**0.1%**).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan, "Indeks teras yang meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali item makanan segar yang mempunyai harga tidak menentu serta harga yang dikawal meningkat **0.6 peratus** pada September 2021 berbanding tahun sebelumnya. Antara kumpulan yang mendorong kepada kenaikan ini adalah kumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (**1.7%**) dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (**1.0%**)."

Sementara itu, IHP tanpa bahan api meningkat **0.8 peratus** pada September 2021 kepada **113.4** berbanding **112.5** pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api adalah meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel.


Secara keseluruhan, kesemua negeri telah mencatatkan peningkatan IHP pada September 2021. Lapan negeri iaitu Terengganu (**3.1%**), Pahang (**2.8%**), Kelantan (**2.8%**), Sarawak (**2.5%**), Perak (**2.5%**), Johor (**2.4%**), Kedah & Perlis (**2.4%**) dan Melaka (**2.3%**) menunjukkan peningkatan melepasi paras IHP nasional

**2.2 peratus** pada September 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Pahang (**2.7%**), diikuti oleh Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (**2.4%**), Perak (**2.4%**), Terengganu (**2.2%**), Johor (**2.2%**), Melaka (**2.2%**) dan Kelantan (**2.1%**). Sementara itu, peningkatan bagi negeri selebihnya adalah di bawah paras indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional.


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersemuka dengan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan. "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan MyStats Day tahun 2021 ialah "Connecting The World With Data We Can Trust".

**Carta 1 : Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Teras dan Indeks Tanpa Bahan Api bagi September 2020 - September 2021**



**Carta 2 : Perubahan Peratus Indeks Kumpulan Terpilih bagi September 2020 - September 2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**22 OKTOBER 2021**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 22 October 2021*



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA  
SEPTEMBER 2021**

---

***Inflation rose 2.2 per cent in September 2021***

**PUTRAJAYA, 22 October 2021** – Consumer Price Index (CPI) increased **2.2 per cent** in September 2021 to **122.8** as against **120.1** in the same month of the preceding year. CPI recorded an increase for the eight consecutive months since February 2021 due to the base effect last year. Department of Statistics, Malaysia released the report on **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), SEPTEMBER 2021** today.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "The Transport group continued to record a double-digit increase since March and edged up by **11.0 per cent** in September 2021 as compared to a year ago. The Food & Non-Alcoholic Beverages increased **1.9 per cent** and the highest increase was recorded by Meat (**5.8%**) mainly due to the increase in the average price of chicken in September 2021, **RM9.35** per kilogram as compared to **RM8.50** in September 2020. In addition, the subgroup of Fish & Seafood went up by **3.5 per cent**, mainly attributed by the increase in average prices of Indian Mackerel to **RM15.60**

(September 2020: **RM14.30**) and Selayang to **RM11.40** (September 2020: **RM9.80**)".

Meanwhile Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance increased **1.7 percent** followed by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (**0.7%**) and Recreation Services & Culture (**0.6%**). Both Restaurants & Hotels and Health registered a marginal increase of **0.3 per cent**, while

*Alcoholic Beverages & Tobacco inclined **0.4 per cent**. Communication remained unchanged, while both Clothing & Footwear and Miscellaneous Goods & Services declined by **negative 0.5 per cent**. Education also posted a marginal decline of **negative 0.1 per cent** as compared a year ago.*

*He further explained that the CPI for the third quarter of 2021 inclined **2.2 per cent** to **122.6** as compared to **120.0** in the same quarter of the preceding year. On a quarterly basis, the CPI declined to **negative 0.4 per cent** as compared to the second quarter of 2021. On a month-to-month comparison, the CPI increased **0.2 per cent** as compared to August 2021. The increase was attributed by Food & Non-Alcoholic Beverages (**0.6%**); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (**0.1%**) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (**0.1%**).*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "Core index which measures all goods and services except volatile items of fresh food as well as administered prices rose **0.6 per cent** in September 2021 as compared to a year ago. Among the groups which influenced the increase were Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (**1.7%**) and Food & Non-Alcoholic Beverages (**1.0%**)."*


*Meanwhile, the CPI without fuel increased **0.8 per cent** in September 2021 to **113.4** as compared to **112.5** in the same month of the preceding year. CPI without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel.*

*All states recorded an increase in the CPI in September 2021. Eight states namely Terengganu (**3.1%**), Pahang (**2.8%**), Kelantan (**2.8%**), Sarawak (**2.5%**), Perak (**2.5%**), Johor (**2.4%**), Kedah & Perlis (**2.4%**) and Melaka (**2.3%**) have surpassed the national CPI rate of **2.2 per cent** in September 2021 as compared to the same month of the previous year. All states registered an increase in the index of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Pahang (**2.7%**), followed by Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (**2.4%**), Perak (**2.4%**), Terengganu (**2.2%**), Johor (**2.2%**), Melaka (**2.2%**) and Kelantan (**2.1%**). Meanwhile, the increase for the remaining states was below the national CPI rate of Food & Non-Alcoholic Beverages.*


The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind. "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day on October 20 every year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".

**Chart 1: Percentage Change of Headline CPI, Core Index and CPI Without Fuel for September 2020 - September 2021**



**Chart 2: Percentage Change of Selected Group  
for September 2020 - September 2021**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
22 OCTOBER 2021**